



e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KAMI SEDIA MEMBANTU

EDISI OKTOBER 2015



GEGAR 10,000 LANGKAH

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SEMPENA

HARI SUKAN NEGARA



**MINGGU KESEDARAN
PENDERMAAN ORGAN**



**LAWATAN KERJA
KE REMBAU**



**PERSIDANGAN KESIHATAN
ALAM SEKITAR 2015**



<http://www.moh.gov.my>



[www.facebook.com/pages/
kementerian-kesihatan-malaysia](http://www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia)



<http://twitter.com/kkmputrajaya>



[http://www.youtube.com/
kementeriankesihatan](http://www.youtube.com/kementeriankesihatan)



[http://instagram.com/
kementeriankesihatanmalaysia](http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia)



Gegar 10,000 Langkah

Tarikh: 10 Oktober 2015

Tempat: IPKKM, Putrajaya

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan program "Gegar 10,000 Langkah" sempena Hari Sukan Negara 2015 di IPKKM. Turut hadir ialah YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK. Seramai lebih 1,000 orang warga KKM menyertai Program tersebut. Pelbagai aktiviti telah dilakukan yang bersesuaian dengan slogan KKM *Healthy Lifestyle Begins with You!*



Minggu Kesedaran Pendermaan Organ

Tarikh: 3 Oktober 2015

Tempat: Terminal Bersepadu Selatan, Kuala Lumpur

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Kempen Penderma Organ, Satu Ikrar, Sejuta Harapan sempena Minggu Kesedaran Pendermaan Organ pada 10 Oktober 2015. Turut hadir ialah YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye. Program tersebut dianjurkan oleh Pusat Sumber Transplan Nasional dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital-hospital seluruh negara serta semua rakan kongsi derma organ sama ada pihak swasta mahupun badan-badan bukan kerajaan.



Lawatan Kerja KSU Ke Rembau

Tarikh: 20 Oktober 2015

Tempat: Rembau, Negeri Sembilan

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah membuat lawatan kerja ke Hospital Rembau. Turut hadir ialah Puan Rahmah Binti Ramli, SUB Bahagian Pembangunan dan Tuan Haji Jalal Bongkik, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan. Hospital Rembau akan dilengkapi sebanyak 76 katil. Lawatan ini bertujuan untuk memantau serta menambahbaik pelaksanaan projek termasuklah reka bentuk, sumber kontraktor dan struktur konkrit blok IBS dalam memastikan projek ini siap pada akhir tahun 2017.



PERSIDANGAN KESIHATAN ALAM SEKITAR 2015

Tarikh: 27 Oktober 2015

Tempat: Pullman, Kuching

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah dijemput untuk memberi ceramah di Persidangan Kesihatan Alam Sekitar 2015, "Threats to Health: Uncovering Issues, Challenges and Prevention" yang dianjurkan oleh Health Inspector Union of Sarawak (HIUS). Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu Anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang mewakili Ketua Menteri Sarawak. Majlis tersebut diadakan sempena Hari Kesihatan Alam Sekitar Sedunia yang bertemakan "Children Are Our Future, Let's Protect Their Environment and Health".





Pelancaran Program
Generasiku Sayang
Peringkat Kebangsaan 2015



Tarikh: 29 Oktober 2015

Tempat: IPKKM, Putrajaya

Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor telah melancarkan program Generasiku Sayang Peringkat Kebangsaan 2015 yang diiringi oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK. Program Generasiku Sayang merupakan program yang diwujudkan bagi melindungi remaja hamil luar nikah yang berkemungkinan berhadapan dengan risiko kematian ibu ketika bersalin atau kematian bayi. Penglibatan semua pihak dapat membantu dan membimbing golongan ini menjalani kehidupan dengan lebih baik dari aspek fizikal, mental, sosial dan rohani.



3rd National & 1st International Table Top Exercise & Communication in Disaster Medicine (TOPCOM)

Tarikh: 7 Oktober 2015

Tempat: Fakulti Perubatan UiTM, Kampus Selayang

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan pembukaan *3rd National and 1st International Table Top Exercise and Communication in Disaster Medicine (TOPCOM)*. Turut hadir ialah Dr. Chong Chee Kheong, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit.

TOPCOM bertujuan menyediakan platform untuk mengendalikan bencana bagi mengurangkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Persediaan merupakan satu langkah penting dalam usaha mitigasi untuk mengurangkan kesan bencana.




LAWATAN KERJA KE HOSPITAL TAMPIN

Tarikh: 20 Oktober 2015

Tempat: Hospital Tampin, Negeri Sembilan

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Tampin Baru. Turut hadir ialah YBhg. Lt. Kol (K) Datuk Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan), Puan Rahmah Binti Ramli, SUB Bahagian Pembangunan dan Tuan Haji Jalal Bongkik, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan. Lawatan tersebut diadakan bagi membincangkan hasil penemuan pengauditan projek pembinaan Hospital Tampin.



Management of Neonatal Jaundice

Tarikh: 26 Oktober 2015

Tempat: Hospital Tunku Jaafar, Seremban

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah melancarkan Garis Panduan Amalan Klinikal (CPG) bagi *Management of Neonatal Jaundice*. Pengesanan awal penyakit kuning bayi baru lahir adalah sangat penting. Ini disebabkan sesetengah bayi mungkin mengalami jaundis yang teruk dan membahayakan jika tidak dirawat.

Jaundis adalah salah satu keadaan yang biasa berlaku pada bayi yang baru lahir. Di seluruh dunia, kira-kira 60% bayi matang dan 80% bayi pramatang akan mengalami jaundis pada minggu pertama kelahiran.



Lawatan Kerja Ke Pusat Rehabilitasi 1Malaysia (PR1M)

Tarikh: 22 Oktober 2015

Tempat: Seberang Takir, Kuala Terengganu

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah membuat lawatan kerja ke Pusat Rehabilitasi 1Malaysia (PR1M) di Seberang Takir. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan.

Kerajaan Negeri Terengganu dan KKM bekerjasama menubuhkan Pusat Rehabilitasi 1Malaysia. Pusat ini memberi manfaat kepada pesakit strok, *cerebral palsy* dan lain-lain untuk mendapatkan rawatan yang lebih cepat dan segera.

Lawatan Kerja Ke HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN

Tarikh: 26 Oktober 2015

Tempat: Ipoh, Perak

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Raja Permaisuri Bainun. Turut hadir ialah Dato' Dr. Ahmad Nordin Bin Mohd Jais, Pengarah HRPB dan Puan Rahmah Binti Ramli, SUB Pembangunan. Lawatan dimulakan dengan taklimat hospital dan sesi dialog KSU bersama warga kerja hospital selain berkongsi maklumat berkaitan isu berbangkit HRPB. KSU juga telah diberi taklimat berkaitan blok baru Hospital Wanita dan Kanak-Kanak yang menempatkan 400 katil serta taklimat oleh BPM berkenaan Sistem Pengurusan Pesakit. KSU juga berkesempatan meninjau Jabatan Kecemasan dan Bilik Gerakan MECC.





GP Conference & Scientific Meeting 2015

Tarikh: 3 Oktober 2015

Tempat: Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah memberikan ucap tama bertajuk "*Future Role of GPs within The Healthcare Transformation*" pada GP Conference & Scientific Meeting 2015. Terdapat 1000 lebih *General Practitioner* (GP) yang menghadiri majlis tersebut. Selain itu, aktiviti turut diadakan menyentuh sesi soal jawab mengenai integrasi antara perkhidmatan penjagaan kesihatan premier awam dan swasta. Peserta didedahkan berkaitan pengenalan konsep doktor keluarga (FDC). Ia akan memastikan penduduk mendapat Penjagaan Kesihatan Premier (PHC) yang memberikan lebih peluang kepada saringan awal, mengenal pasti risiko, pakej intervensi risiko dan pengurusan klinikal penyakit kronik.



Sambutan Ulang Tahun ke-30 HTAR

Tarikh: 29 Oktober 2015

Tempat: Hotel Premiere, Klang

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri sambutan ulang tahun ke-30 Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR). Turut hadir ialah Dr. Balachandran a/l Satiamurti, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Dr. Ding Lay Ming, Pengarah HTAR.

Majlis turut menyambut *4th Selangor Research Day 2015* yang bertemakan "*Transformation Healthcare Through Research*". Terdapat bengkel & ceramah yang dikendalikan oleh penyelidik kebangsaan & antarabangsa yang berpengalaman.



Perasmian

PUSAT RAWATAN IBU & BAYI



Tarikh: 22 Oktober 2015

Tempat: Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Pusat Rawatan Ibu dan Bayi di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ). Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK. Pusat Rawatan Ibu dan Bayi Hospital Sultanah Nur Zahirah telah mempunyai 312 katil. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti kepada rakyat. Walaupun kos perkhidmatan kesihatan adalah rendah tetapi berimpak tinggi.



66TH WHO Regional Committee Meeting for the Western Pacific

Tarikh: 13 Oktober 2015

Tempat: Guam, United State Of America (USA)

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah menghadiri *66th WHO Regional Committee Meeting for the Western Pacific*. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK. YBMK selaku ketua delegasi Malaysia telah mengemukakan kebimbangan berkaitan kos yang tinggi dikenakan kepada orang ramai yang mendapatkan rawatan

Hepatitis C. Selain itu, Malaysia telah dicalonkan sebagai Naib Presiden untuk *World Health Assembly in 2016* sebagai pengiktirafan Malaysia dalam meningkatkan peranan dalam platform kesihatan global.



Lawatan Kerja Ke HOSPITAL UMUM SARAWAK (HUS)

Tarikh: 18 Oktober 2015

Tempat: Kuching, Sarawak

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah membuat lawatan kerja ke Hospital Umum Sarawak (HUS). Lawatan bertujuan untuk melihat perkembangan semasa HUS dan mendengar taklimat mengenai status terkini projek ubahsuai bangunan sedia ada dan Pusat Penyelidikan Klinikal HUS. KSU juga berkesempatan melawat Wad Radioterapi dan Onkologi.



Lawatan Kerja Ke Pejabat Institut Pengurusan Sistem Kesihatan

Tarikh: 6 Oktober 2015

Tempat: Setia Avenue, Shah Alam

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah melawat National Institutes Health yang terdiri daripada 6 institut, IMR (*biomedical research*), IKU (*epidemiological research*), CRC (*clinical research*), IHM (*health management research*), IHSR (*health system research*) dan IPTK (*behavioural research*). Antara kandungan taklimat adalah objektif penubuhan institusi, penyelidikan dan penerbitan yang telah dilaksanakan serta anugerah dan pengiktirafan yang diterima.

Turut hadir ialah Dr. Shahnaz Binti Murad, TKPK (P&ST). KSU juga mengambil kesempatan ini untuk melawat tapak projek Institut Penyelidikan Kesihatan Bersekutu yang merupakan *Projek Land Swap* pertama KKM.



24th International Harm Reduction Conference

Tarikh: 18 Oktober 2015

Tempat: Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan 24th International Harm Reduction Conference di Royale Chulan Hotel. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, TKPK (KA). Maklumat terbaru membuktikan melalui jangkitan baru pelbagai pendekatan dilaksanakan KKM sehingga kini berjaya menurunkan jangkitan HIV sebanyak 49% sejak tahun 2002.



MAJLIS INTERAKSI KSU BERSAMA PEGAWAI PENGURUSAN MUDA IPKKM

Tarikh: 1 Oktober 2015

Tempat: Dewan Serbaguna, IPKKM

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah menghadiri Majlis Interaksi KSU Bersama Pegawai Pengurusan IPKKM. Majlis tersebut telah dihadiri oleh para pegawai muda IPKKM. Majlis ini merupakan platform perkongsian maklumat tentang hala tuju kerajaan berkaitan situasi ekonomi semasa negara. KSU juga berkesempatan

mendengar cadangan dan pendapat pegawai muda yang akan dibincangkan lebih lanjut bersama Pegawai Kanan Pengurusan.



SESI PAGI



SESI PETANG



MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUSI LATIHAN KKM 2015

Tarikh: 26 Oktober 2015

Tempat: Dewan Seri Perdana, Kolej Sains Kesihatan Bersekutu,
Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta, Perak

Majlis ini sebagai pengiktirafan kejayaan para graduan menamatkan pengajian. Ilmu yang dipelajari dapat memberikan khidmat terbaik sepanjang bertugas bersama KKM nanti.



Majlis Perasmian Wisma Mental Health Foundation & Sambutan Hari Kesehatan Mental Sedunia 2015

Tarikh: 15 Oktober 2015

Tempat: Wisma MHF Merdeka Place, Ampang

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah merasmikan Majlis Perasmian *Wisma Mental Health Foundation* (WMH) dan Sambutan Hari Kesehatan Mental Sedunia 2015. Kempen kesihatan mental pada tahun ini memfokuskan kepada aspek kehormatan atau harga diri yang bertemakan "*Dignity in Mental Health*". Secara global Pertubuhan Kesehatan Sedunia menjangkakan menjelang 2020, beban penyakit mental akan meningkat dan menduduki tempat kedua di antara 10 penyakit teratas selepas penyakit jantung iskemia. Stigma dan diskriminasi masih lagi signifikan dalam isu kesihatan mental.



PEGAWAI YANG DINAIKKAN PANGKAT (GRED 54 KE ATAS)



YBHG. DATO' DR. HAJI AZMAN BIN ABU BAKAR

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN PENTADBIR / KLINIKAL
UTAMA A
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN
Gelaran : PENGARAH BAHAGIAN
Tarikh : 26 OKTOBER 2015

PENASIHAT

KETUA SETIAUSAHA

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min

KETUA PENGARAH KESIHATAN

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)

Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussien

KETUA PENGARANG

Hapsah Binti Mohd Dusa

PENGARANG

Baharudin Bin Mohamad
Mona Ang
Mohd Iswandy Bin Wally

PENYUMBANG ARTIKEL

Pejabat Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Unit Komunikasi Korporat